

30/08/1997

BSKL tunjuk tanda pemulihan

KUALA LUMPUR, Jumaat - Harga saham di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) mula menunjukkan pemulihan hari ini dengan Indeks Komposit susut hanya 7.78 mata untuk ditutup pada 804.40 mata.

Kejatuhan itu menamatkan penurunan teruk yang berlaku sepanjang empat hari dagangan terdahulu minggu ini, yang memperlihatkan Indeks Komposit susut pada purata 20.12 mata setiap hari.

Indeks itu, yang menjadi angka tunjuk utama prestasi di BSKL, turun 21.04 mata kepada 883.96 mata pada Isnin, 27.96 kepada 856.00 (Selasa), 8.08 menjadi 847.92 (Rabu) dan 35.74 kepada 812.18 (Khamis).

Dagangan hari ini yang memperlihatkan 545.668 juta saham bernilai RM2.051 bilion bertukar milik, juga berlangsung dalam sentimen lebih positif selepas melalui minggu suram dan tertekan.

Sentimen itu jelas terbukti pada beberapa jam terakhir dagangan dengan Indeks Komposit yang pada satu ketika jatuh 34.22 mata, menjadi 777.96 mata, melantun semula menjelang penutup.

Penganalisis yang dihubungi malam ini sepakat bahawa kejatuhan minimum dan sentimen positif itu berikutan kenyataan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa institusi dana tempatan akan membeli saham bagi mengekang ia terus jatuh.

Perkembangan baik itu turut menyokong nilai ringgit yang dibuka pada tahap rendah baru 2.9640/90 pagi ini, kukuh sedikit pada sebelah petang dan membolehkannya ditutup pada 2.8949/95 berbanding dolar Amerika.

Kemampuan ringgit bertahan di atas paras 2.900 berbanding dolar itu sekali gus menyangkal ramalan beberapa peniaga sebelum ini yang menjangka ia akan terus menjunam ke paras lebih 3.000.

Penganalisis berkata, secara amnya kenyataan Perdana Menteri semalam satu-satunya faktor memberi kesan positif kepada pasaran dan mengembalikan keyakinan pelabur.

Dr Mahathir semalam mengumumkan semua institusi dana tempatan akan memasuki BSKL secara besar-besaran bagi menahan kejatuhan harga berterusan selepas langkah pihak berkuasa mengenakan syarat sekuriti bertanda bagi 100 komponen Indeks Komposit untuk mengelak spekulasi.

(END)